

Abdullah puas hati Perhimpunan Agung UMNO

KUALA LUMPUR 17 Nov. - Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini gembira dengan kelancaran perjalanan Perhimpunan Agung UMNO Ke-57 dan menyifatkannya sebagai satu pencapaian yang sangat baik.

Walaupun terdapat teguran secara tidak langsung terhadap beliau, namun Abdullah melihatnya sebagai sesuatu yang membina memandangkan perhimpunan tersebut adalah satu forum untuk perwakilan mengutarakan pelbagai isu secara bebas.

"Saya gembira dengan hasilnya, dengan perjalanan (perhimpunan). Walaupun apajuga perbincangan yang telah berlaku sebelumnya, tetapi akhirnya ialah keputusan yang dibuat itu adalah keputusan yang baik.

"Ketika perbincangan mereka (perwakilan) sangat terbuka, mereka bercakap banyak perkara, walaupun mereka tidak mengkritik saya

kecuali bercakap secara tidak langsung mengenai polisi," katanya.

Perdana Menteri menarik perhatian mengenai kritikan terhadap syarikat milik kerajaan (GLC) yang secara tidak langsung melibatkan beliau sebagai Menteri Kewangan.

"Ia (GLC) bawah saya, tetapi tidak mengapa," katanya pada sidang akhbar selepas berakhir perhimpunan itu di PWTC, hari ini.

Beberapa perwakilan mencadangkan supaya GLC memberikan lebih banyak kontrak kepada syarikat bumiputera, satu langkah yang boleh membantu meningkatkan penyertaan golongan itu dalam ekonomi negara.

Abdullah bagaimanapun berharap perwakilan UMNO lebih berterus terang apabila menyentuh sesuatu isu atau perkara yang realistik berkaitan dengan ekonomi.

"Kadang-kadang saya bimbang apabila semua orang terus memperkatakannya. Bahaslah dengan berterus terang apa yang mereka fikirkan terhadap beberapa perkara. Saya fikir ia adalah sesuatu yang sihat, ia baik," katanya.

Ditanya sama ada perbincangan mengenai isu bangsa dan agama agak keterlaluan, Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri berkata, beliau tidak fikir begitu.

"Jika ia keterlaluan, sekarang ini sudah tentu demonstrasi diadakan di jalan-jalan raya," katanya.

Mengulas isu rasuah yang kurang dibangkitkan pada perbincangan kali ini, beliau berkata, bukan tugasnya untuk memberitahu perwakilan apa yang perlu untuk dibahaskan.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan semua rakan dalam UMNO berganding bahu untuk memerangi rasuah.

Ditanya sama ada beliau melihat Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) adalah undang-undang yang adil, beliau mengakui-

nya malah menganggap akta tersebut bertepatan dengan konsep Islam Hadhari.

"Ya (ikut Islam Hadhari), tapi kita telah jadikan tahanan ISA orang yang baik," katanya sambil menjelaskan tahanan tidak didakwa kerana ada masalah yang tidak boleh dibincang dan diadili dalam mahkamah.

Katanya, semua undang-undang dibuat di Parlimen dan mempunyai sebab untuk

diperkenalkan oleh kerajaan.

Abdullah juga ditanya mengenai paras keyakinan di Bursa Malaysia yang kini menyebabkan Indeks Komposit (IK) mencecah lebih 1,000 mata untuk ditutup kepada 1,040.79 mata hari ini.

"Saya harap ada keyakinan dalam pasaran, kami tidak beri mereka (Bursa Malaysia) sebarang alasan yang tidak menggembarakan," katanya.